

**PARLIMEN: Kerajaan Pastikan Rundingan FTA Hasilkan Situasi Menang-menang
Bernama
10 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan memastikan rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan mana-mana rakan dagang menghasilkan keputusan seimbang, realistik dan menang-menang, Dewan Rakyat dimaklumkan Rabu.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata hasil rundingan harus mengandungi agenda pembangunan bukan saja dari segi ekonomi tetapi juga bina upaya dan sosial.

"Setelah FTA tersebut dilaksanakan, kerajaan akan memantau pelaksanaannya termasuk impak terhadap ekonomi negara secara berterusan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Charles Anthony a/l R.Santiago (DAP-Klang).

Charles Anthony membangkitkan pertanyaan mengenai penilaian impak FTA yang ditandatangani Malaysia secara dua hala dan pelbagai hala.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700905>